

HADANAH / PENJAGAAN ANAK BAWAH UMUR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Sesungguhnya anak-anak merupakan anugerah Allah kepada manusia. Tiadalah perkara yang lebih membahagiakan hidup di dunia ini melainkan mendapat sebuah keluarga yang baik, aman dan tenteram. Dalam melahirkan sebuah keluarga yang bahagia, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting untuk mengasuh anak-anak dengan persekitaran yang baik, bertunjangkan akidah Islam. Dalam sebuah hadith riwayat Imam al-Bukhari, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

“Tidak ada seorang anak yang dilahirkan kecuali mereka dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapalah yang mengyahudikan mereka, menasranikan mereka dan memajusikan mereka.”

Allah Subhanahu wa-Taala juga berfirman dalam Surah Al-Anfal ayat 28:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٢٨﴾ وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ

Yang bermaksud: *“Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”*

Atas dasar ini, persoalan untuk mengasuh anak-anak adalah perkara yang amat dititikberatkan dalam agama Islam. Bahkan dalam pengajian Fikah, terdapat satu bab yang khusus, membincangkan persoalan hukum hadanah, iaitu hak penjagaan anak. Berdasarkan syara', asas utama yang menjadi pertimbangan dalam hadanah adalah sejauh mana akidah anak tersebut dapat dipelihara, ketika mereka masih kecil dan mencari-cari identiti serta haluan kehidupan. Anak-anak ini perlu dibimbing untuk mengenal Allah dan hukum agama dengan penuh kasih sayang, sebaliknya bukan diajar dengan kemewahan dan kebendaan semata-mata. Persoalan besar yang timbul, ialah sekiranya berlaku perceraian, menyebabkan wujudnya isu perebutan hak menjaga anak-anak yang masih kecil, antara si ibu atau si ayah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Dalam Mazhab Shafie, hak untuk mengasuh anak bawah umur dan belum mumayyiz, adalah hak seorang ibu yang Muslim. Dalam Seksyen 82 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Pahang, adalah jelas dinyatakan bahawa ibu merupakan pihak yang paling berhak untuk mendapat hak jagaan anak, sama ada semasa dalam tempoh perkahwinan atau selepas perceraian. Akan tetapi dalam Seksyen 83, terdapat beberapa syarat yang melayakkan ibu untuk mendapatkan hak tersebut, iaitu:

- (i) dia adalah seorang Islam;
- (ii) dia adalah sempurna akal;
- (iii) dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu;
- (iv) dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- (v) dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Walaupun ijma' ulamak menyatakan ibu adalah paling berhak untuk mendapat hak jagaan anak bawah umur, akan tetapi hak itu akan terbatal, seperti yang termaktub dalam Seksyen 84, antaranya:

- (i) jika perempuan itu berkahwin dengan seorang lelaki yang akan menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu.
- (ii) jika perempuan itu berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka;
- (iii) jika perempuan itu *murtad*;
- (iv) jika perempuan itu mencuaikan atau menganiaya kanak-kanak itu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Negara kita pernah gempar dengan kes perebutan hak penjagaan anak-anak pasangan yang asalnya tidak beragama Islam, kemudian suaminya memeluk agama Islam. Mahkamah sivil telah menyerahkan seorang anak mereka kepada bapanya yang Muslim, sementara seorang lagi anak diserahkan kepada ibunya yang bukan Muslim. Sedangkan mahkamah syariah telah memutuskan bahawa suaminya mempunyai hak penjagaan hadanah kedua-dua anak tersebut dan anak-anak itu adalah Muslim mengikut agama bapanya. Keputusan Mahkamah sivil ini hangat diperbincangkan.

Dalam isu ini sepatutnya mana-mana pihak tidak mempunyai bidang kuasa untuk campur tangan terhadap keputusan mahkamah syariah kerana mengambil kira kedudukan agama Islam yang menjadi agama persekutuan, serta bidang kuasa negeri terhadap urusan agama Islam dan peranan raja-raja yang menjadi ketua agama Islam negeri-negeri yang mendapat nasihat mufti dan majlis agama Islam negeri.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-87 pada tahun 2009 juga telah memutuskan bahawa, *“Apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak bawah umur pasangan adalah secara langsung beragama Islam”*.

Pemberian hak mengasuh anak kepada ibu atau bapa Muslim, sama sekali tidak bermaksud yang Islam menafikan hubungan kekeluargaan anak dengan ibu atau bapa mereka yang bukan Muslim. Bahkan al-Quran mengajar agar hubungan anak-beranak tersebut, perlu dipelihara, walaupun tidak mendapat hak hadanah.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah Luqman ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا

مَعْرُوفًا وَأَتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: “Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau dengan fikiran sihatmu tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. dan turutlah jalan orang yang rujuk kembali kepada-Ku (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ

الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.